Disebabkan terdapat pelbagai aspek yang perlu dinilai dalam PBS seperti sikap, minat, kemahiran proses sains, kecergasan, dan kemahiran kinestetik pelajar, maka pelbagai instrumen atau kaedah pentaksiran yang sesuai diperlukan. Guru berperanan dalam menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai dengan merancang, membina instrumen, melaksana, merekod hasil penilaian, menganalisis maklumat dan melapor serta membuat tindakan susulan. Oleh itu, apa jua inovasi yang dilaksanakan dalam kurikulum dan pedagogi seharusnya diikuti dengan perubahan dalam sistem pentaksiran. Justeru, guru sebagai pelaksana dan penilai memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan PBS ini.



Di negara-negara luar, PBS sangat berjaya dilaksanakan kerana sikap gurunya yang mungkin lebih bersifat terbuka dalam menerima sistem tersebut. Sebaliknya di Malaysia, pelaksanaan pentaksiran ini masih lagi kurang memberangsangkan dan jarang dipraktikkan. Tambahan pula, terdapat pelbagai pandangan dan rungutan daripada pihak guru dan sekolah terhadap sistem PBS walaupun pada dasarnya mereka bersetuju dengan objektif dan matlamat PBS tersebut (OECD, 2005; Chun, 2006; Black & Wiliam, 1998; Firdaus Abdullah, 2010; Berita Harian, 2010 Jun, 24). Antara rungutan yang diberikan seperti bebanan kerja yang melampau, kekurangan waktu, masalah dari segi penskoran, bilangan pelajar yang ramai untuk ditaksir dan sebagainya (Chun, 2006; Abdul Rahim & Saliza Ahmad, 2008; Yung 2001; Sharifah Nor Ashikin & Rohaida Mat Saat, 2005; Mulenga & Kapambwe, 2008; Marzita Abdullah, 2006; Faiza Hussein, 2002; Siti Aloyah Alias, 2002 & Alias Mingan, 2001).





Keadaan ini bertambah teruk dan membimbangkan dengan sikap pelajar sendiri. Mereka tidak memahami tentang konsep dan kepentingan PBS bagi mereka. Masalah dalam kurang memberi tumpuan dalam kelas, bersikap sambil lewa, malas dan kurang berusaha dalam menyiapkan tugasan membantutkan lagi pelaksanaan PBS di sekolah. Ditambah pula dengan kerja yang tidak siap dan tertangguh, kadang kala pelajar menyiapkan tugasan dengan meniru hasil kerja pelajar lain menyebabkan keadaan bertambah serius. Keadaan ini menyebabkan, pentaksiran sukar dijalankan dan maklumat pentaksiran yang diperoleh adalah kurang tepat.

Apabila keadaan ini berlaku, guru sendiri akan menghadapi tekanan dan hilang sabar dengan pelajar. Ada di antara mereka merasakan tiada faedahnya menjalankan PBS dalam keadaan begini. Dalam kes tertentu terdapat pelajar yang tidak

menyiapkan tugasannya untuk diberikan markah, untuk megelakkan perkara yang lebih buruk terjadi. Ketidakadilan juga berlaku apabila markah pelajar yang diserahkan kepada LPM bukan berdasarkan kepada penilaian sebenar ke atas pelajar, tetapi disebabkan oleh arahan dari pihak sekolah untuk diberikan markah. Maka, di sini guru mula bersikap sambil lewa, berputus asa dan tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka sebagai guru dan penilai.

Kekurangan ciri teknikal ujian yang disediakan oleh guru juga menyebabkan orang ramai sangsi sama ada guru benar-benar berkemampuan dan saksama dalam menjalankan penilaian tersebut. Sebagai contoh, pelaksanaan PEKA Sains dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersifat penilaian alternatif dilihat sebagai jalan penyelesaian dan amat sesuai digunakan untuk pentaksiran pencapaian dalam kerja amali sains (Abdul Rahim, 2008). Disebabkan kerja amali sains banyak





melibatkan kemahiran inkuiri dan kemahiran proses sains, maka kaedah alternatif yang melibatkan ujian amali, projek, soal selidik, senarai semak, portfolio, pemerhatian dan temu bual (Doran, Lawrence & Helgeson, 1994) adalah amat sesuai digunakan untuk pentaksiran. Melalui aktiviti pentaksiran yang dilakukan, guru dapat memastikan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Justeru, pihak kementerian dan LPM sentiasa menilai dan meneliti setiap aspek penilaian dan pentaksiran yang dicadangkan bagi memastikan sistem baru yang diperkenalkan benar-benar berkesan dan bermanfaat untuk guru, pelajar dan sekolah. Pengenalan suatu perubahan atau inovasi yang baru bagi menggantikan sistem yang sedia ada memerlukan pelbagai adaptasi dan penambahbaikan dari masa ke semasa selaras dengan pelaksanaan dan perkembangannya. Sesuatu perubahan baru dalam sistem pendidikan tidak akan dapat dilaksanakan dan diterima oleh guru dan pihak sekolah jika keprihatinan guru tidak diselia dan diperincikan sepanjang perubahan sistem pendidikan tersebut (Cheung, 2002). Maka, seharusnya pandangan dan kesediaan daripada semua pihak yang terlibat seperti pihak kementerian pelajaran, pihak pengurusan sekolah, guru, pelajar dan ibu bapa perlu diambil kira dan diperincikan terlebih dahulu bagi memastikan pelaksanaan PBS ini dapat dijalankan dengan sempurna.





1.3 Pernyataan Masalah

Pentaksiran Berasaskan Sekolah boleh dikatakan masih baru dalam sistem pendidikan di Malaysia tetapi sistem ini bukanlah perkara baru bagi warga pendidik kerana ia telah diamalkan secara berperingkat di sekolah terutama yang melibatkan mata pelajaran bersifat amali (Marziah Abdullah, 2006). Walau bagaimanapun, kajian empirikal terhadap pelaksanaan PBS ini di Malaysia adalah terhad. Walaupun PBS ini dicadangkan oleh KPM, ada pihak yang menyokong dan ada yang sebaliknya. Namun apa yang lebih penting dan perlu diambil kira adalah pandangan daripada guru-guru yang bertindak sebagai pelaksana dan penilai.

Walaupun begitu, aspek keprihatinan, pelaksanaan, persepsi dan kesediaan guru dalam melaksanakan PBS ini kurang dikaji dan diketengahkan. Kita ketahui bahawa guru merupakan entiti utama dalam pelaksanaan PBS. Justeru, mengetahui keprihatinan, aspek pelaksanaan dan persepsi guru sama ada mereka bersedia, prihatin dan bermotivasi atau tidak dalam melaksanakan PBS ini adalah sangat penting bagi memastikan PBS ini dapat betul-betul dilaksanakan selaras dengan matlamat dan kehendak yang ditetapkan oleh KPM. Guru-guru dikatakan tidak akan menentang sesuatu pelaksanaan kurikulum sekiranya perubahan itu tidak menyusahkan mereka, tetapi pelaksanaan perubahan kurikulum yang tidak berkesan akan membawa kepada pembaziran masa, tenaga dan kewangan yang diperuntukkan bagi perubahan tersebut (Tamby Subahan Mohd Meerah, 1999).

Maka, bertitik tolak daripada sistem PBS yang diperkenalkan dan masalah-masalah yang dilontarkan oleh guru-guru sepanjang pelaksanaan PBS ini, penyelidik





ingin mengenalpasti apakah tahap keprihatinan guru terhadap PBS? Apakah cara pelaksanaan PBS yang dijalankan dan apakah persepsi sebenar mereka terhadap PBS? Adakah faktor latar belakang guru seperti pengalaman mengajar, jantina dan lokasi sekolah memberi kesan dalam pelaksanaan PBS dan adakah ia mempengaruhi keberkesanannya? Tidak dinafikan, pengalaman mengajar mempengaruhi dan menentukan corak pengajaran dan pentaksiran yang dilakukan. Namun demikian, tidak semestinya guru baru yang kurang berpengalaman mengajar tidak dapat melaksanakan pengajaran dan pentaksiran dengan berkesan. Begitu juga sebaliknya. Justeru itu, profil pengalaman mengajar di antara guru berpengalaman dan guru baru diperlukan bagi membolehkan penambahbaikan dalam pelaksanaan PBS dan profesionalisme perguruan.



Justeru itu, dalam kajian ini aspek keprihatinan, pelaksanaan PBS dan persepsi guru terhadap PBS akan dikenalpastikan. Aspek-aspek ini menjadi persoalan utama kajian khususnya bagi guru-guru Sains, Biologi, Fizik dan Kimia. Aspek-aspek ini amat penting untuk diketahui oleh semua pihak termasuk pihak pengurusan sekolah, KPM dan JPN. Tanpa pengenalphastian aspek-aspek tersebut, sesuatu perubahan baharu dalam sesuatu sistem seperti PBS tidak akan berjaya dilaksanakan walaupun pada dasarnya sistem tersebut amat bermakna dan berkemampuan dalam memenuhi segala matlamat falsafah pendidikan negara.

Dengan itu, dalam kajian ini, guru-guru bagi subjek Sains, Kimia, Biologi dan

Fizik digunakan sebagai responden kajian dalam menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan. Guru-guru diberikan dua set soal selidik yang diadaptasi daripada Yip dan Cheung (2005), Cheng dan Cheung (2001). Soal selidik ini mengandungi 80





soalan berdasarkan aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi guru terhadap PBS. Temubual turut dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai cabaran dan persepsi guru terhadap PBS dengan lebih mendalam. Justeru itu, persoalan-persoalan asas seperti apakah tahap keprihatinan yang cenderung guru rasakan dalam mentaksir pelajar? Apakah bentuk pentaksiran yang dilakukan oleh guru terhadap pelajar? Apakah persepsi mereka terhadap PBS? Adakah pengalaman mengajar bagi guru mempunyai perkaitan dalam pelaksanaan PBS? Apakah cabaran guru dalam melaksanakan PBS? telah menjadi persoalan utama kenapa kajian ini dijalankan.

1.4 Tujuan Kajian



Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi dalam kalangan guru-guru sains (Sains, Biologi, Fizik dan Kimia) dengan mengambil kira aspek kepentingan, cabaran dan cadangan guru-guru dalam PBS. Dengan mengetahui penerimaan, aspek pelaksanaan dan pandangan guru-guru sains dalam PBS, maka kebolehlaksanaan PBS dapat ditentukan di samping dapat membantu dalam proses pemantapan dan penambahbaikan pelaksanaan PBS di Malaysia.





1.4.1 Objektif Kajian

Kajian ini diperincikan dengan beberapa objektif kajian. Antaranya ialah:

- i. Mengenalpasti tahap keprihatinan guru (*Teachers' Concern*) sains terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah;
- ii. Mengenalpasti aspek pelaksanaan pentaksiran dalam kalangan guru dalam mentaksir pelajar;
- iii. Mengenalpasti persepsi guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah;
- iv. Membandingkan antara guru lelaki dan guru perempuan merentasi dimensi keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi terhadap PBS;
- v. Membandingkan antara guru berpengalaman dan guru tidak berpengalaman merentasi dimensi keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi terhadap PBS;
- vi. Membandingkan antara guru luar bandar dan guru bandar merentasi dimensi keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi terhadap PBS; dan
- vii. Mengenalpasti kepentingan, cabaran/kekangan dan cadangan guru dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah





1.4.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap keprihatinan yang cenderung diaplikasi oleh guru dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- ii. Apakah aspek pelaksanaan pentaksiran yang digunakan oleh guru dalam mentaksir pelajar?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan di antara guru lelaki dan guru perempuan merentasi dimensi keprihatinan, aspek pelaksanaan dan persepsi terhadap PBS?
- v. Adakah terdapat perbezaan di antara guru berpengalaman dan guru tidak berpengalaman merentasi dimensi keprihatinan, aspek pelaksanaan dan persepsi terhadap PBS?
- vi. Adakah terdapat perbezaan di antara guru luar bandar dan guru bandar merentasi dimensi keprihatinan, aspek pelaksanaan dan persepsi terhadap PBS?
- vii. Apakah kepentingan, cabaran/kekangan dan cadangan guru dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah?





1.4.3 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi guru sains dalam PBS dengan faktor demografik (jantina, lokasi sekolah dan pengalaman mengajar)

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dalam aspek tahap keprihatinan

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dalam aspek pelaksanaan PBS

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dalam aspek persepsi guru terhadap PBS

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru berpengalaman dan guru tidak berpengalaman dalam aspek tahap keprihatinan

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru berpengalaman dan guru tidak berpengalaman dalam aspek pelaksanaan PBS

Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru berpengalaman dan guru tidak berpengalaman dalam aspek persepsi guru terhadap PBS

Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru sekolah bandar dan luar bandar dalam aspek tahap keprihatinan





- Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru sekolah bandar dan luar bandar dalam dimensi aspek pelaksanaan
- Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru sekolah bandar dan luar bandar dalam dimensi persepsi guru terhadap PBS

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian di atas, maka kerangka konseptual kajian adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kerangka konseptual ini merumus

keseluruhan kajian terhadap aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi guru terhadap PBS. Aspek kepentingan, cabaran/kekangan dan cadangan guru dalam PBS turut dikaji. Faktor latar belakang guru iaitu pengalaman mengajar, lokasi sekolah dan jantina guru dikaji sama ada mempengaruhi atau tidak mempengaruhi pelaksanaan, keprihatinan dan persepsi guru terhadap PBS.


Dalam kajian terhadap keprihatinan guru dalam PBS, model Tahap Keprihatinan (*Stages of Concern Model – SoCM*) daripada Hall, George dan Rutherford (1977) digunakan. Mengikut model tersebut, setiap guru boleh mengalami beberapa tahap keprihatinan secara serentak tetapi kekuatan bagi setiap tahap adalah berbeza bergantung kepada sifat PBS, personaliti guru dan kemudahan yang disediakan dalam pelaksanaannya (Hord, Rutherford, Huling-Austin & Hall, 1987).





Dalam kajian ini, pembolehubah tidak bersandar (*Independent variable*) adalah daripada pembolehubah demografi iaitu jantina, lokasi sekolah dan pengalaman mengajar guru, manakala pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*) adalah tahap keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi guru terhadap PBS. Dalam menjawab kesemua persoalan kajian yang dikemukakan, dua kaedah telah digunakan iaitu soal selidik dan temubual. Soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat dari aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi guru, manakala temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai kepentingan, cabaran/kekangan dan cadangan guru dalam pelaksanaan PBS. Setelah segala maklumat dan hasil dapatan kajian yang diperoleh mencapai objektif kajian yang dijalankan, maka maklumat yang diperoleh dapat membantu dalam pemantapan PBS di peringkat sekolah khususnya dan di peringkat pendidikan negara amnya.





Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi dalam kalangan guru-guru sains (Sains, Biologi, Fizik dan Kimia) serta kepentingan, cabaran dan cadangan mereka dalam pelaksanaan PBS. Dalam kajian ini, faktor latar belakang guru dikaji sama ada mempengaruhi atau tidak mempengaruhi dalam aspek-aspek tersebut. Aspek-aspek ini dianggap sebagai aspek yang penting dalam memastikan keberjayaan pelaksanaan PBS di peringkat sekolah. Oleh itu, diharap kajian ini dapat menarik pihak-pihak yang terlibat seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, pihak sekolah dan guru-guru sains dalam merealisasikan pelaksanaan PBS untuk kecemerlangan pelajar dan kemajuan pendidikan negara.



PBS adalah penting dalam proses penambahbaikan kepada sistem yang sedia ada bagi meningkatkan dan memperkembangkan lagi PBS tersebut. Pembinaan instrumen dan metodologi ini juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan sekolah dan pihak kementerian dalam memantau keprihatinan guru dari semasa ke semasa. Hall dan Hord (2001) menyatakan bahawa pengetua dan pihak pengurusan sekolah boleh memantau puncak keprihatinan guru secara individu pada bila-bila masa semasa proses perubahan dan boleh merancang penambahbaikan yang bersesuaian berdasarkan keprihatinan tersebut. Hal ini kerana, tingkah laku guru dipengaruhi oleh tahap keprihatinan mereka terhadap sesuatu perubahan yang dilakukan.

Selain itu juga, diharap kajian ini dapat membantu guru-guru sains dalam pelaksanaan PBS dengan menjadi garis panduan kepada mereka dalam menjalankan





pentaksiran dengan memperbaiki kelemahan dan menambahbaikkan proses pentaksiran yang dilakukan. Hasil dapatan kajian ini dijangka akan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam PBS untuk mengenalpasti cara atau kaedah dalam meningkatkan pencapaian murid khususnya dalam mata pelajaran Sains, Biologi, Fizik dan Kimia dan dapat membangunkan polisi berhubung perolehan sumber dalam usaha meningkatkan pendidikan sains amnya.

Dengan itu, cadangan atau program pemantapan PBS dapat disediakan kepada guru-guru dalam proses penambahbaikan dari masa ke semasa. Hal ini kerana, pencapaian matlamat PBS bergantung kepada kepimpinan yang berwibawa, berketerampilan dan mantap dalam kalangan guru-guru yang melaksanakannya. Kemampuan seorang relajar tidak dapat dicungkil jika cara pentaksiran dan keprihatinan guru terhadap PBS berada pada tahap rendah, tanpa usaha untuk mendalami dan memperkuuhkan pelaksanaan PBS itu sendiri.

Justeru itu, apa yang lebih penting, kajian ini dapat mewujudkan kesedaran pihak guru dan sekolah tentang perkara-perkara yang patut dititik beratkan dalam melaksanakan PBS, mewujudkan keprihatinan dan kesedaran dalam kalangan guru-guru tentang tanggungjawab mereka dalam PBS. Selain itu, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penyelidikan di masa hadapan dalam membuat kajian yang berkaitan, di samping dalam mengembangkan ilmu yang sedia ada khususnya berkaitan PBS.





1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada aspek-aspek tertentu sahaja. Hal ini kerana, penyelidik tidak dapat mengkaji kesemua aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian dalam suatu masa disebabkan kekangan beberapa faktor seperti masa, saiz sampel kajian dan instrumen kajian. Oleh itu, skop kajian ini hanya menumpukan kepada aspek keprihatinan, pelaksanaan dan persepsi guru-guru sains terhadap pelaksanaan PBS sahaja.

Seharusnya, untuk memantapkan keberkesanan PBS dalam sistem pendidikan di Malaysia, pandangan dan cadangan dari semua pihak harus diambil kira terutama bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBS seperti pihak

~~05-4506832~~ ~~pustaka.upsi.edu.my~~ ~~Perpustakaan Tuanku Bainun~~ ~~PustakaTBainun~~ ~~ptbupsi~~
kementerian pelajaran, pentadbir sekolah, guru-guru dan pelajar. Dengan itu, kajian ini mungkin tidak dapat memberi gambaran yang menyeluruh terhadap pelaksanaan PBS di Malaysia kerana, PBS ini tidak hanya melibatkan guru-guru dan pelajar aliran sains sahaja tetapi turut melibatkan semua subjek di sekolah.

Bilangan sampel yang kecil yang digunakan dalam kajian ini iaitu 210 orang guru-guru sains mungkin tidak dapat memberi generalisasi yang menyeluruh terhadap keprihatinan, kaedah pelaksanaan dan persepsi guru-guru sains dalam PBS. Bilangan guru mengikut faktor latar belakang guru iaitu pengalaman mengajar, lokasi sekolah dan jantina guru yang tidak seimbang mungkin memberi kesimpulan yang bias kepada dapatan kajian. Namun hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan PBS di sekolah. Dengan batasan-batasan kajian yang disebutkan di atas, dapatan





kajian ini seharusnya diterima dengan berhati-hati dan kajian selanjutnya perlu dilakukan bagi mengukuh dan menyokong atau sebaliknya terhadap dapatan kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah digunakan yang perlu diberikan definisi operasional yang sesuai dalam memperolehi maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik. Definisi operasional diberikan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam linkungan kajian ini. Istilah-istilah tersebut melibatkan pentaksiran, penilaian, keprihatinan, pelaksanaan, persepsi, guru berpengalaman dan guru baru, lokasi



1.8.1 Keprihatinan

Menurut Hall *et al.* (1977), keprihatinan adalah gabungan yang mewakili perasaan, keasyikan, fikiran dan pertimbangan yang diberikan kepada sesuatu isu atau tugas. Ia bergantung kepada bentuk personaliti, pengetahuan dan pengalaman yang dirasai oleh seseorang dan berpuas hati secara mental dengan setiap isu yang berlainan. Di dalam kajian ini keprihatinan dibahagikan kepada lima aspek utama berdasarkan kepada pengelasan yang diberikan oleh Yip dan Cheung (2005) iaitu penilaian, informasi, pengurusan, kesan dan





penumpuan semula (Jadual 1.1). Tahap keprihatinan yang cenderung diaplikasikan oleh guru dalam PBS pula merujuk kepada min yang dominan antara tahap-tahap keprihatinan tersebut.

1.8.2 Pentaksiran

Dalam sistem pendidikan, pentaksiran merujuk kepada apa jua kaedah atau proses yang dilakukan oleh guru bagi mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat keputusan atau kesimpulan terhadap pembelajaran pelajar dan pengajaran guru berdasarkan maklumat tersebut (Thomas, Allman & Beech,

2004). Tujuan pentaksiran ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh dalam memastikan sejauh mana rancangan pendidikan yang dilaksanakan oleh sesebuah institusi pengajian itu mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Justeru, pentaksiran dalam kajian ini membawa maksud pelaksanaan pentaksiran iaitu bagaimana guru mentaksir pelajar mereka daripada aktiviti penilaian yang dilakukan.

1.8.3 Penilaian

Penilaian merujuk kepada proses mengumpul, menganalisa dan menginterpretasi matlumat (data) untuk sesuatu tujuan yang diperlukan





(Airasian, 1996). Maklumat yang diperoleh daripada penilaian boleh jadi berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Proses penilaian hanya berhenti setakat memberi nilai atau interpretasi tanpa membuat sebarang keputusan. Penilaian mengandungi aspek pengujian, pengukuran, analisis dan penterjemahan.

Mengikut definisi oleh Anikweze (2005), penilaian merupakan proses mengenalpasti status atau piawai yang diperoleh oleh pelajar dengan merujuk kepada pemerolehan hasil berdasarkan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Antara aktiviti penilaian oleh guru yang boleh dilakukan adalah menerusi kerja rumah, semakan latihan, jawapan ujian, nota, penyoalan dan sebagainya (Mohamad Sahari Nordin, 2002).



1.8.4 Guru Berpengalaman

Dalam kajian ini, guru berpengalaman adalah guru terlatih dan mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun. Mereka juga telah disahkan dalam jawatan. Oleh itu, guru berpengalaman dalam kajian ini adalah guru yang mengajar subjek bagi Sains, Biologi, Fizik atau Kimia lebih daripada lima tahun dan telah disahkan dalam perkhidmatan.





1.8.5 Guru Baru (*novice teacher*)

Menurut Bahagian Pendidikan Guru (BPG) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993), guru baru didefinisikan sebagai guru baru yang terlatih dan mula berkhidmat antara satu hingga tiga tahun, dalam tempoh percubaan dan belum disahkan jawatan. Dalam kajian ini, guru baru adalah guru-guru yang mengajar subjek Sains, Biologi, Fizik atau Kimia kurang daripada lima tahun pengalaman kerja dan belum disahkan dalam jawatan.

1.8.6 Pelaksanaan



Pelaksanaan merujuk kepada kaedah atau cara yang digunakan oleh guru dalam mentaksir dan menilai perkembangan dan prestasi pelajar. Ia merujuk kepada kaedah yang digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran untuk mendapatkan maklumat mengenai pelbagai aspek perkembangan pembelajaran dan prestasi pelajar. Dalam kajian ini, pelaksanaan merujuk kepada bagaimana guru mentaksir para pelajar mereka iaitu merujuk kepada bahan dan instrumen pentaksiran, masa tugasan diberikan, penentuan tugas dan kekerapan aspek pembelajaran diukur.

- i. Masa tugasan – masa tugasan merujuk kepada masa guru memberikan tugas sama ada semasa pembelajaran, sebelum pembelajaran atau





selepas pembelajaran. Ia ditentukan berdasarkan frekuensi masa yang cenderung guru laksanakan.

- ii. Penentuan tugas – penentuan tugas merujuk kepada penggal persekolahan di mana tugas diberikan iaitu sama ada permulaan penggal, pertengahan penggal atau penghujung penggal persekolahan. Ia ditentukan berdasarkan frekuensi masa tugas tersebut diberikan.
- iii. Aspek pembelajaran – aspek pembelajaran merujuk kepada aspek-aspek yang digunakan oleh guru dalam mentaksir pelajar mereka sepanjang proses P&P seperti minat, pemahaman konsep sains dan pengetahuan sains. Kekerapann aspek pembelajaran diukur ditentukan berdasarkan frekuensi aspek-aspek tersebut diukur.



1.8.7 Persepsi

Persepsi merujuk kepada proses menginterpretasi dan mengatur maklumat yang diperoleh daripada rangsangan reseptor untuk menghasilkan pengalaman yang berguna berkaitan dengan persekitaran sekeliling (Lindsay & Norman, 1977). Menurut Azlina Abu Bakar (2002), persepsi boleh dibahagikan kepada empat sifat iaitu i) persepsi yang sentiasa berada dalam keadaan berubah-ubah, ii) persepsi bersifat peribadi iaitu persepsi yang tidak dipengaruhi dan berbeza





daripada orang lain, iii) persepsi bersifat berterus-terusan dan iv) persepsi bersifat selektif.

Dengan itu, dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada kepercayaan dan pandangan guru terhadap inovasi atau perubahan yang baru diperkenalkan iaitu PBS. Ia mengambil kira sama ada guru bersetuju atau tidak terhadap PBS berasaskan perspektif yang telah dialami oleh mereka. Persepsi guru ditentukan berdasarkan frekuensi dan nilai skor min.



1.8.8 Lokasi Sekolah

Lokasi merupakan kawasan atau tempat kediaman yang ditetapkan serta mempunyai alamat. Dalam kajian ini, lokasi sekolah ditentukan berdasarkan tempat di mana guru-guru mengajar, iaitu sama ada di bandar atau luar bandar. Penentuan lokasi sekolah adalah berdasarkan kepada rekod yang telah ditetapkan oleh KPM. Mengikut definisi variabel profil sekolah (KPM, 2010), sekolah bandar ialah sekolah yang terletak di kawasan yang diwartakan dan tepu bina yang bersempadan dengannya serta gabungannya yang terletak di dalam had sempadan bandar. Sekolah luar bandar pula merujuk kepada sekolah yang tidak terletak di dalam kawasan bandar dan di dalam lingkungan tersebut.

